

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14256
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa syarikat semikonduktor tempatan bagi mengurangkan kebergantungan dengan syarikat semikonduktor milik negara-negara asing.

2. PN-1542-L14616
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk membantu usahawan kecil dan mikro, khususnya di kawasan luar bandar untuk menyertai ekonomi digital dan e-dagang agar mereka tidak terus ketinggalan arus kemajuan digitalisasi Negara.

3. PN-1542-L14518
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dapatan hasil siasatan SPRM ke atas tatakelola pengurusan inisiatif MyKiosk.

4. PN-1542-L14384
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan memasang lampu jalan di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

5. PN-1542-L14606
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah terkini yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mendesak tindakan pada peringkat antarabangsa termasuk ICJ dan ICC terhadap penggunaan kebuluran sebagai senjata peperangan yang disengajakan oleh rejim zionis di Gaza yang jelas sekali bertentangan dengan Konvensyen Geneva.

6. PN-1542-L13960
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat ini, tidak kurang daripada 1,200 buah sekolah daif di seluruh negara telah dinaik taraf. Daripada jumlah tersebut, berapakah bilangan sekolah daif yang terlibat di Sarawak, khususnya di kawasan Saratok dan Kabong serta berapakah kos keseluruhan yang terlibat bagi pelaksanaan projek naik taraf ini.

7. PN-1542-L14386
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tegas Kerajaan dalam menangani peningkatan kes salah laku seksual, termasuk terhadap kanak-kanak di institusi tahfiz dan sekolah agama.

8. PN-1542-L14476
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan inisiatif seperti i-Suri bagi membantu suami yang berperanan sebagai pengurus rumah tangga sepenuh masa, berikutan perubahan dinamik sosial dan peningkatan penyertaan wanita dalam dunia pekerjaan.

9. PN-1542-L13939
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk membantu pelajar institut pengajian tinggi (IPT) separuh masa di bawah kategori B40. Adakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan bantuan kemudahan, skim bantuan kewangan khas dan insentif lain kepada pelajar separuh masa sama seperti pelajar IPT sepenuh masa.

10. PN-1542-L14308

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah penyerahan ambulans-ambulans baru kepada hospital dan klinik kesihatan masih lagi mengalami kelewatan dan berapakah bilangan ambulans di Kementerian yang telah berusia melebihi 6 tahun atau mempunyai jarak perjalanan melebihi 200,000km. Apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi kelewatan ini.

11. PN-1542-L14112

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) apakah penyesuaian yang dilakukan oleh stesen penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam mendepani teknologi moden dalam dunia media sosial pada masa kini; dan
- (b) adakah terdapat mana-mana stesen radio penyiaran yang ditutup setakat tahun 2025 dan apakah sebabnya.

12. PN-1542-L14679

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Arkib Negara Malaysia mempunyai rancangan untuk menubuhkan Arkib Diraja seperti Arkib Yang di-Pertuan Agong dan Arkib Diraja di negeri-negeri yang ketuanya ialah Raja, Sultan dan Yang di-Pertuan Besar.

13. PN-1542-L14544

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa pendekatan menaikkan cukai pro-kesihatan pernah gagal di beberapa negara kerana rakyat beralih kepada produk pengganti yang sama namun berisiko; dan
- (b) apakah kajian risiko telah dibuat sebelum memperluaskan cukai ini, atau Kerajaan hanya mengulangi formula yang sama tanpa mengukur kegagalan lampau.

14. PN-1542-L14482

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah perkembangan terkini kerjasama antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta agensi-agensi lain bagi melakukan tindakan pantas ke atas kandungan penipuan dalam talian (*scam*) sebelum ia tular.

15. PN-1542-L14226
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah terbaik dalam mengoptimumkan mekanisma Skim Penstabilan Minyak Masak Tempatan agar had siling 60,000 metrik tan sebulan diagih secara adil kepada isi rumah B40 seluruh negara.
16. PN-1542-L14645
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh mana ketelusan latihan data model AI *DeepSeek* dan penggunaan cip Huawei dipertimbangkan oleh Kementerian untuk digunakan di negara ini daripada sudut keselamatan digital.
17. PN-1542-L14360
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperkasakan Koperasi Penanam Sawit Mampan, khususnya di Sarawak, agar koperasi ini dapat menyediakan perkhidmatan yang amat diperlukan kepada ahlinya seperti perkhidmatan penuaian dan pengangkutan buah sawit dan bukan hanya terhad kepada pengurusan pusat timbang sahaja.
18. PN-1542-L13924
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memanfaatkan peruntukan dalam Belanjawan 2025 untuk menempatkan agroteknologi pada harga mampu milik selain daripada hanya setakat melaksanakan projek perintis dengan kebanyakan pesawah dan petani berskala kecil di Malaysia masih menggunakan cara pradigital.
19. PN-1542-L14191
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan strategik jangka panjang Kementerian bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan udara Sabah dengan wilayah serantau dan antarabangsa.
20. PN-1542-L14642
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memelihara bahasa dan budaya tradisi Orang Asli.

21. PN-1542-L14101

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memperluas rangkaian pusat inovasi dan penyelidikan dan pembangunan di Sarawak sebagai pemangkin kepada ekonomi berasaskan pengetahuan ekonomi digital dan teknologi hijau.

22. PN-1542-L14689

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan akan terus berunding dengan Kerajaan Amerika Syarikat bagi mengurangkan lagi kadar tarif yang dikenakan kepada Malaysia kerana barang-barang yang dieksport ke Amerika Syarikat juga berpotensi diimport balik dan memasuki pasaran negara kita.

23. PN-1542-L14021

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status semasa projek perumahan terbengkalai di negeri Kelantan yang berada di bawah seliaan Kementerian, termasuk jumlah projek, lokasi, bilangan unit rumah dan jumlah pembeli yang terkesan, serta apakah perancangan kementerian untuk memulihkan projek-projek tersebut secara berfasa.

24. PN-1542-L13969

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian untuk mengawal agen perekrutan asing; dan
- (b) adakah wujud kerjasama bilateral untuk perlindungan pekerja asing.

25. PN-1542-L14669

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka yang baharu untuk mendepani perkembangan semasa yang memerlukan DBP diberi peruntukan undang-undang yang sesuai dan wajar.

26. PN-1542-L14171

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah hijrah cendekiawan (*brain drain*) yang berlaku secara agresif di negara ini pada kadar mencecah 5.5% pada tahun 2024 melebihi purata dunia 3.3%.

27. PN-1542-L14217
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesiapsiagaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-47 pada bulan Oktober 2025 nanti memandangkan Presiden Amerika Syarikat, Perdana Menteri Itali, Presiden Brazil, Presiden Afrika Selatan dan juga Presiden Kumpulan G20 serta pemimpin besar negara lain telah menyatakan kehadiran mereka ke persidangan ini.
28. PN-1542-L14073
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan bahan api penerbangan mampan (*sustainable aviation fuel*) melalui minyak kelapa sawit sebagai dasar strategik negara untuk menjadi pengeluar utama di dunia.
29. PN-1542-L14072
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk memperkukuh institusi fatwa dalam negara dan langkah-langkah bagi mempertahankan keabsahan fatwa daripada sebarang cabaran di mahkamah.
30. PN-1542-L14567
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mengambil kira kesan kumulatif dasar fiskal yang dilaksanakan ke atas pendapatan boleh guna rakyat B40 dan M40 memandangkan banyak dasar fiskal seperti penyasaran subsidi, kenaikan tarif elektrik dan peluasan SST mula dilaksanakan serentak.
31. PN-1542-L14300
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan bersepadu Kerajaan menangani isu gelandangan yang semakin membimbangkan di Sabah dan Sarawak berikutan kes pengemis kanak-kanak dan penagih dadah di persimpangan jalan seperti di Kota Kinabalu dan Tuaran, yang menunjukkan kegagalan dalam intervensi sosial dan pemulihan.
32. PN-1542-L13979
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
(a) inisiatif bagi melibatkan lebih ramai golongan belia untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam sukan; dan

- (b) apakah rasional terhadap penurunan had umur belia kepada 30 tahun sahaja dan apakah maklum balas baik yang diterima.
33. PN-1542-L13904
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan lesen memandu khususnya untuk kenderaan elektrik.
34. PN-1542-L14154
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana direkodkan jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) dalam kategori miskin tegar, miskin dan kumpulan pendapatan sederhana B40 mengikut negeri antara tahun 2022 hingga 2024 dan tujuh bulan pertama tahun 2025.
35. PN-1542-L14001
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman Malaysia Madani dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara, khususnya Mesir dan Jordan yang mempunyai jumlah pelajar yang ramai daripada aliran agama.
36. PN-1542-L14246
Senator Tuan Isaiiah a/l D Jacob minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi memasarkan hasil kraf tangan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam industri pelancongan.
37. PN-1542-L14460
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyediakan skim khas pembiayaan atau geran untuk membantu penduduk kampung berhampiran stesen-stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi memulakan perniagaan kecil dan sederhana supaya mereka tidak terpinggir berbanding pelabur luar.
38. PN-1542-L14079
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan melebarkan jalan Persekutuan Bintulu-Bakun dalam masa yang terdekat serta memanjangkan jalan tersebut dari Simpang KTS sampai ke Kampung Data Kakus, Tatau, Sarawak sepanjang 50 kilometer untuk kemudahan semua penduduk di Daerah Belaga.

39. PN-1542-L14576
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah orang yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah akibat daripada memandu kenderaan dalam keadaan mabuk berbanding dengan bilangan pesalah lain di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2023).
40. PN-1542-L14625
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk sokongan Kerajaan dalam menggalakkan pelajar Orang Asli menceburi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan profesional.
41. PN-1542-L14628
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi ekosistem keusahawanan yang lebih holistik dan kondusif selari dengan perancangan di bawah RMK13.
42. PN-1542-L13952
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status pelaksanaan projek menambah baik kemudahan pos kawalan keselamatan di setiap pintu masuk ke negara ini melalui Sarawak berikutan peruntukan yang telah pun diluluskan pada tahun 2025.
43. PN-1542-L14427
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menggunakan teknologi *waste to energy* (WTE) sebagai salah satu penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah pelupusan sampah di Sabah.
44. PN-1542-L14058
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat mediasi bagi konflik-konflik yang berlaku di Asia Tenggara, khususnya dalam kepengerusian ASEAN kali ini.

45. PN-1542-L13944

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi terkini yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan dasar kemampanan negara dalam usaha negara untuk menangani ketidaktentuan ekonomi global akibat dasar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat.

46. PN-1542-L14333

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan keutamaan diberikan kepada penempatan guru dari Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing, sebagai usaha menangani isu kekurangan guru dan pada masa yang sama memupuk semangat memiliki (*sense of belonging*) yang dapat memperkukuh sistem pendidikan di kedua-dua negeri ini.

47. PN-1542-L14556

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Paka terutama kuarters kakitangannya yang terlalu uzur dan usang.

48. PN-1542-L14508

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) dasar sedia ada untuk menangani isu *greenwashing*; dan
- (b) mengapa amalan *greenwashing* masih berleluasa walaupun terdapat kerangka sedia ada serta apakah langkah konkrit dan boleh dikuatkuasakan, termasuk cadangan penggubalan undang-undang baharu bagi membendungnya.

49. PN-1542-L14354

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sebab kelewatan pembayaran penuh insentif membajak dan menuai kepada pesawah yang telah tertunggak lebih setahun serta langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan isu ini tidak berulang pada musim-musim penanaman akan datang.

50. PN-1542-L14434
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana RMK13 memberi penekanan terhadap pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta kerjasama industri.
51. PN-1542-L14415
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perincian cadangan skim bayaran pencen secara bulanan bagi ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah diumumkan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13.
52. PN-1542-L14031
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan sektor gig tidak menjadi satu 'perangkap jangka panjang' bagi anak muda yang tidak mampu memperoleh pekerjaan formal, dan adakah strategi pemindahan kepada sektor yang lebih produktif sedang dibangunkan.
53. PN-1542-L14290
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kerajaan memastikan usahawan PMKS benar-benar bersedia dengan pelaksanaan e-Invois bermula Ogos 2025 di bawah RMKe-13 melalui latihan sokongan digital dan insentif, agar pelaksanaan tidak menjejaskan operasi, daya saing dan pematuhan mereka.
54. PN-1542-L14367
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan yang dimainkan Malaysia dalam meleraikan konflik antara Thailand dan Kemboja.
55. PN-1542-L14206
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan bagi mewujudkan pekerjaan selepas pencen iaitu selepas umur 60 tahun bagi persediaan menuju negara menua khususnya yang melibatkan perusahaan sosial yang tidak berteraskan keuntungan dan keamanan kepada negara.

56. PN-1542-L14321

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Unit Pesuruhjaya Sumpah mempunyai perancangan untuk memperkenalkan e-Buku Daftar dimana setiap individu yang hadir di hadapan Pesuruhjaya Sumpah wajib menggunakan biometrik dan berapakah kes akuan sumpah yang sebenarnya tidak dilakukan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah telah dilaporkan.

57. PN-1542-L14164

Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyusun semula pengendalian dan operasi pusat-pusat dialisis memandangkan tempoh menunggu yang lama untuk mendapatkan rawatan boleh menjejaskan kesihatan pesakit.

58. PN-1542-L13991

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar orang kurang upaya (OKU) yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta ketika ini dan bentuk sokongan atau kemudahan yang disediakan, merangkumi sokongan pembelajaran, elaun khas, serta kemudahan fizikal yang mesra OKU.

59. PN-1542-L14132

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pematuhan terhadap Standard Operasi Prosedur (SOP) dalam perlombongan unsur nadir bumi (REE) dan keperluan kajian semula dengan mengambil kira kesan jangka panjang terhadap biodiversiti dan habitat semula jadi, serta aktiviti perlombongan REE di peringkat huluan (*upstream*) melalui proses larut lesap setempat telah dibuktikan tidak mencemarkan air bawah tanah.

60. PN-1542-L14280

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah indikator utama (KPI) yang akan dibangunkan untuk menilai keberkesanan program ekonomi Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ke-13.

61. PN-1542-L14658

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pengisian guru opsyen Bahasa Melayu, Inggeris, Cina, dan Tamil di Sekolah Menengah Kebangsaan serta usaha Kerajaan dalam mengatasi kekurangan guru dalam opsyen-opsyen bahasa tersebut, khasnya selepas pengumuman Perdana Menteri bahawa Kementerian bersetuju supaya latihan Bahasa Cina dan Tamil diperbanyakkan di insititusi perguruan.

62. PN-1542-L14122

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah MyKiosk yang telah disediakan oleh KPKT kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara sejak program ini dilancarkan dan mengapakah masih terdapat PBT yang masih belum mengagihkan MyKiosk serta apakah langkah segera yang akan diambil Kementerian bagi memastikan penyampaian kemudahan ini.

63. PN-1542-L14046

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah strategik dalam menangani isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor kesihatan susulan lebih 6,000 orang doktor meletak jawatan sejak lima tahun lalu, termasuk strategi mengekang beban kerja berlebihan, penambahbaikan skim perkhidmatan dan jaminan kerjaya bagi memastikan sistem kesihatan awam tidak runtuh.

64. PN-1542-L14236

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah lebih proaktif dalam memastikan kesejahteraan warga emas dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN) mencapai sasaran bermakna pada 2030 apabila negara dihuni 15% komuniti warga emas.

65. PN-1542-L14586

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pembangunan yang akan dilaksanakan di Selangor selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13.

66. PN-1542-L14181
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap soalan yang diajukan pada sidang Dewan yang lepas berkaitan dengan syarat mendapatkan permit bagi Institut Memandu (IM) yang memerlukan 5 ekar tanah dikurangkan kepada 3 ekar bagi pembangunan IM di Kuala Lumpur.
67. PN-1542-L14463
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk melindungi industri Malaysia daripada kesan tarif 19% yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terutamanya dalam sektor pembuatan dan pertanian yang bergantung kepada eksport.
68. PN-1542-L14334
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi Kerajaan dalam melaksanakan skim Rakan KKM di fasiliti kesihatan awam serta bagaimana Kerajaan memastikan pelaksanaan skim ini tidak menjejaskan prinsip keadilan akses kepada rawatan khususnya bagi golongan B40.
69. PN-1542-L14589
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan pemuliharaan untuk ekosistem penting seperti hutan simpan di Malaysia khususnya di Selangor.
70. PN-1542-L14596
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) peratusan kes jenayah melibatkan ahli politik yang diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut (NFA) antara tahun 2020 hingga 2025; dan
(b) mekanisme atau garis panduan yang ada bagi memastikan klasifikasi NFA tidak dipengaruhi campur tangan politik.
71. PN-1542-L14498
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal berdaya saing susulan kesan dasar tarif Amerika Syarikat dan persaingan yang semakin meningkat daripada negara pengeksport serantau.

72. PN-1542-L14487
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini pencapaian kadar penyertaan pendidikan tinggi (*tertiary education*) dalam kalangan rakyat Malaysia, dan apakah kadar yang dianggap mencukupi bagi memenuhi keperluan modal insan berkualiti tinggi bagi pasaran kerja Malaysia sebagai sebuah negara maju kelak.
73. PN-1542-L14401
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menyokong koperasi tempatan untuk menjalin kerjasama dengan koperasi luar negara menerusi Asean Cooperative Dialogue (ACD) 2025.
74. PN-1542-L13914
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengurangkan kerosakan yang disebabkan oleh sisa plastik terhadap alam sekitar.
75. PN-1542-L14142
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah Kementerian mengenai pengambilan segera bagi mengisi kekosongan 4,352 jawatan memandangkan terdapat keperluan mendesak tenaga kerja perubatan ketika ini.
76. PN-1542-L14090
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian laporan-laporan kemalangan yang melibatkan bas ekspres, khususnya dalam tragedi kemalangan yang melibatkan para pelajar UPSI tempoh hari.
77. PN-1542-L14269
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah kurikulum sekolah di kawasan Orang Asli disesuaikan dengan mengambil kira budaya, bahasa dan pengetahuan mereka; dan
 - (b) apakah impak penyesuaian ini terhadap pencapaian akademik pelajar.

78. PN-1542-L14451

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi RMK13 dalam memastikan keterjangkauan rumah mampu milik kepada rakyat B40 dan M40.

79. PN-1542-L14011

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah segera yang diambil oleh Kementerian berikutan prevalens penggunaan vape bagi mengekang trend berbahaya ini dalam kalangan remaja yang dilaporkan meningkat kepada 14.9% pada tahun 2022, termasuk 9.6% dalam kalangan remaja perempuan, sebelum menjadi krisis kesihatan generasi muda negara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

merestui ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

– menyambung semula Perbincangan atas masalah [2 September 2025]

2. (D.R.24/2025) Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R.19/2025) Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kerja Raya]

4. (D.R.16/2025) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

5. (D.R.23/2025) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

6. (D.R.14/2025) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.26/2025) Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

8. (D.R.28/2025) Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
9. (D.R. 13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
10. (D.R. 11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
11. (D.R. 12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
12. (D.R. 21/2025) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Perdana Menteri]**
13. (D.R. 6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
14. (D.R. 7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**

15. (D.R. 17/2025) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kesihatan]

16. (D.R. 18/2025) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. (D.R. 15/2025) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

18. (D.R.20/2025) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pendidikan]

19. (D.R. 22/2025) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

20. (D.R. 27/2025) Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang diPertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Tahun 2020	03 September 2025
ST. 132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Ba gi Tahun 2021	03 September 2025
ST. 133	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Tahun 2022	03 September 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Tahun 2023	03 September 2025
ST. 137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan Bagi Tahun 2024	03 September 2025
ST. 143	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2024	03 September 2025